

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

1. PBT pernah menghantar pegawai ke Jepun, China, Singapura, Jerman dan United Kingdom untuk mempelajari pengurusan sisa pepejal. Apakah pengetahuan lawatan tersebut dimasukkan dalam justifikasi rundingan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menghantar pegawai bagi melawat fasiliti di China, Singapura, Thailand, United Kingdom dan Jerman bagi mempelajari teknologi dalam bidang pengurusan sisa pepejal. Pengetahuan yang diperoleh tidak dapat digunakan dalam justifikasi rundingan kerana rundingan bagi menerima pakai Akta 672 tersebut lebih menjurus kepada pengambilalihan pengurusan perkhidmatan yang diberikan. Walau bagaimanapun, hasil dapatan dari lawatan-lawatan tersebut telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri dan dimasukkan ke dalam dokumen *Request For Proposal* yang bakal dikeluarkan bagi Pembangunan Loji Waste to Energy (WTE) di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

2. PBT telah berjaya mengadakan lawatan ke negeri Johor, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah dan Perlis. Nyatakan isu-isu yang dibangkitkan oleh mereka mengenai penerimaan Akta 672.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Isu-isu yang telah dibangkitkan oleh negeri-negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) adalah seperti berikut:
  - (i) Sumbangan caruman kepada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) adalah mandatori. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak boleh membuat pemotongan ke atas caruman yang diberikan sekiranya berlaku kegagalan dalam perkhidmatan;
  - (ii) Skop perkhidmatan di mana kekerapan hari kutipan dan pembersihan adalah kurang berbanding skop perkhidmatan sedia ada yang diuruskan oleh PBT;
  - (iii) Pengurangan perjawatan di PBT bagi kerja-kerja pengurusan sisa dan pembersihan awam. Sebarang isu berkaitan kecemasan atau memerlukan tindakan segera perlu dirujuk kepada pihak syarikat konsesi yang dilantik untuk diambil tindakan;
  - (iv) Penjimatan yang diterima oleh PBT hanya bagi kawasan yang telah diserahkan semasa perjanjian ditandatangani. PBT harus

- menambah jumlah caruman kepada Kerajaan Pusat bagi mana-mana kawasan baharu;
- (v) Semua kuasa berkaitan pengurusan sampah di bawah Akta Kerajaan Tempatan dan Undang-undang Kecil berkaitan akan dimansuhkan;
  - (vi) Perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam tidak menyeluruh, di mana kutipan hanya dibuat di kawasan perumahan dan tidak termasuk kawasan kilang, komersial dan institusi;
  - (vii) PBT tidak boleh melaksanakan perkhidmatan kutipan sampah dan pembersihan awam di kawasan yang diserahkan, walaupun terdapat kelewatan atau kegagalan perkhidmatan oleh syarikat konsesi;
  - (viii) Pemantauan prestasi syarikat konsesi dijalankan oleh SWCorp dan bukannya oleh PBT;
  - (ix) Pegawai penguat kuasa SWCorp tidak mencukupi;
  - (x) PBT hanya berfungsi sebagai medium perantara dan penyelaras bagi program bersama komuniti;
  - (xi) Perubahan skop perkhidmatan tidak mendapat pandangan PBT dan Kerajaan Negeri terlebih dahulu serta tidak memenuhi kehendak dan keperluan PBT dan Kerajaan Negeri;
  - (xii) Lantikan syarikat konsesi tidak melalui perakuan PBT dan Kerajaan Negeri; dan
  - (xiii) Tiada *exit-clause* dalam perjanjian bersama negeri-negeri yang telah menerima pakai Akta 672 ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

3. Apakah analisa Kerajaan Negeri dan PBT mengenai penemuan-penemuan yang terhasil dari lawatan ke negeri-negeri yang telah menerima Akta 672?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengadakan lawatan ke beberapa negeri yang telah menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Perkongsian telah diadakan berkenaan kebaikan dan juga kekurangan pemakaian akta tersebut. Analisis awal adalah terdapat lebih banyak kekurangan pemakaian Akta 672 berbanding kebaikan sepertimana yang telah dilaksanakan di tujuh (7) buah negeri bermula tahun 2011 iaitu Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Perlis dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, setelah beberapa perbincangan diadakan bersama pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), sekiranya Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menerima pakai akta tersebut, penambahbaikan akan dilaksanakan dan syarat-syarat boleh ditetapkan oleh Kerajaan Negeri semasa proses rundingan bagi menerima pakai Akta 672 di Negeri Pulau Pinang.

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Bilangan 13 Tahun 2024 pada 8 Mei 2024 (Rabu) telah memutuskan bahawa Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk melaksanakan Analisis *Strength, Weaknesses,*

*Opportunities and Threats (SWOT) dan Cost Benefit Analysis (CBA)* dan dibentangkan semula kepada MMK.

Analisis lanjutan perlu menunggu kajian tersebut disiapkan serta langkah seterusnya dalam proses rundingan iaitu kajian *due diligence* oleh JPSPN dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) sebelum satu syor dapat dicadangkan untuk persetujuan dan kelulusan MMK kelak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

4. Adakah Kerajaan Negeri dan ADUN akan dikenakan bayaran pembersihan sampah sekiranya program rasmi Kerajaan Negeri diadakan?
  - (a) Nyatakan jabatan yang mana akan dipertanggungjawabkan membuat bayaran.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Pada masa kini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak mengenakan sebarang bayaran pembersihan sampah bagi program rasmi Kerajaan Negeri.
  - (a) Tidak berkenaan kerana MBPP dan MBSP tidak mengenakan sebarang bayaran pembersihan sampah bagi program rasmi Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

5. Apakah nasib yang akan dihadapi oleh lebih 2,000 orang Pembantu Awam Gred H11 jika Akta 672 digunakan?
  - (a) Nyatakan 10 jenis jaminan kebajikan yang akan disyaratkan dalam rundingan bersama SWCorp.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Kerajaan Negeri telah menyatakan hasrat untuk membuka rundingan bagi pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di Negeri Pulau Pinang melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 7 Tahun 2024 bertarikh 28 Februari 2024 dan surat 'Hasrat Rundingan Pemakaian Akta 672' daripada pihak Kerajaan Negeri kepada pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) bertarikh 26 Mac 2024. Proses rundingan tersebut dijangka mengambil masa selama enam (6) bulan sebelum satu keputusan dapat dimuktamadkan. Salah satu proses rundingan pemakaian Akta 672 melibatkan sesi libat urus bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Opsyen-opsyen bagi kakitangan PBT akan diperincikan semasa sesi libat urus tersebut.
  - (a) Tiada jaminan dinyatakan setakat ini kerana kajian *due diligence* perlu dilaksanakan oleh pihak JPSPN dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) terlebih dahulu sebelum perbincangan dan rundingan syarat-syarat bagi pemakaian akta tersebut di Negeri Pulau Pinang. Perkara ini juga akan selari dengan pelaksanaan Analisis *Strength, Weaknesses, Opportunites and Threats* (SWOT) dan *Cost Benefit Analysis* (CBA) bagi pemakaian Akta

672 yang akan diketuai oleh Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan akan dibentangkan kepada MMK kelak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

6. Di manakah Pejabat SWCorp Pulau Pinang akan diwujudkan?
  - (a) Adakah ia ditubuhkan di bawah GLC Kerajaan Negeri atau di bawah Kerajaan Persekutuan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Bagi penubuhan pejabat Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) di negeri Pulau Pinang, perkara ini masih belum dibincangkan bersama SWCorp.
  - (a) Penubuhan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Company - GLC*) bagi menjalankan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Pulau Pinang masih perlu mendapatkan persetujuan dan kelulusan MMK terlebih dahulu sebelum cadangan tersebut diangkat untuk persetujuan Jemaah Menteri. Ini kerana Kerajaan Negeri masih lagi di peringkat rundingan dan belum memuktamadkan sebarang keputusan mengenai penerimaan pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

7. Senaraikan jumlah dan nilai harga seperti tanah, peralatan, kenderaan atau premis Majlis yang akan diserahkan kepada SWCorp.
  - (a) Berapakah jumlah bayaran yang diterima Majlis akibat dari pelupusan harta tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Senarai aset yang akan diserahkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) masih belum dimuktamadkan kerana proses rundingan berkenaan penerimaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di negeri Pulau Pinang masih sedang berlangsung bersama pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) bagi memperhalusi skop perkhidmatan dan syarat-syarat bagi pengambilalihan perkhidmatan tersebut.
  - (a) Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak dapat menentukan jumlah bayaran bagi pelupusan harta kerana masih dalam proses rundingan dan kajian pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

8. Berapakah bayaran yang perlu dibuat oleh PBT setiap bulan kepada SWCorp jika Pulau Pinang menerima Akta 672?
  - (a) Adakah ia menguntungkan Majlis jika dilaksanakan sendiri?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Bayaran yang perlu dibayar kepada Kerajaan Persekutuan diklasifikasikan sebagai caruman Pihak Berkusa Tempatan (PBT) dan caruman tersebut akan dimasukkan ke dalam Tabung Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam. Caruman ini adalah kos yang dikeluarkan oleh PBT bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam sehingga tarikh perjanjian ditandatangani. Proses *due diligence* perlu dilaksanakan oleh pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) terlebih dahulu sebelum caruman tersebut dimuktamadkan.
  - (a) Dari segi kewangan, adalah lebih menguntungkan sekiranya menerima pakai Akta 672 kerana caruman yang perlu diberi kepada tabung tersebut adalah tetap (*fix*) sepanjang tempoh kontrak tanpa mengambil kira kenaikan kadar inflasi, harga bahan mentah dan gaji pekerja bagi kawasan serahan ketika itu. Caruman bagi kawasan-kawasan baharu juga akan menggunakan kos semasa serahan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

9. Apakah komitmen Kerajaan Persekutuan dalam membantu PBT membuat bayaran bulanan kepada SWCorp?
  - (a) Adakah bantuan tersebut diterima setiap bulan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Bayaran yang perlu dibayar kepada Kerajaan Persekutuan diklasifikasikan sebagai caruman Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan caruman tersebut akan dimasukkan ke dalam Tabung Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam.
  - (a) Bantuan daripada pihak Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:
    - (i) Caruman PBT adalah tetap (*fix*) sepanjang tempoh kontrak tanpa mengambil kira kenaikan kadar inflasi, harga bahan mentah dan gaji pekerja bagi kawasan-kawasan serahan ketika itu; dan
    - (ii) Kerajaan Persekutuan akan menanggung segala kos bagi pembangunan dan pengoperasian fasiliti pengurusan sisa pepejal di negeri ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

10. Adakah Majlis perlu membuat bayaran kepada pengendali Pusat Transit Sampah di Batu Maung dan Tapak Pelupusan Pulau Burung? Jika ya, nyatakan bayaran setiap muatan sampah yang dibawa.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. MBPP perlu membuat bayaran kepada pengendali Stesen Pemindahan Sampah Batu Maung dan Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung secara bulanan mengikut jumlah beratan sampah yang diuruskan oleh pengendali. Kadar bayaran semasa yang dikenakan mengikut fasilti pengurusan sampah adalah seperti berikut:

<b>FASILITI PENGURUSAN SAMPAH</b>	<b>SKOP PERKHIDMATAN</b>	<b>KADAR BAYARAN/ TAN (RM)</b>
Stesen Pemindahan Sampah Batu Maung	Menerima dan memindahkan sampah ketapak pelupusan	42.43
Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung	Melupuskan sampah	32.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

11. Nyatakan kadar kitar semula di kedua-dua PBT.
- (a) Jelaskan perancangan yang telah dan sedang dilaksanakan bagi meningkatkan kadar tersebut.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Kadar Kitar Semula di Negeri Pulau Pinang dan di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

TAHUN	KADAR KITAR SEMULA			
	2020	2021	2022	2023
<b>Kerajaan Negeri</b>	45.23%	51.81%	53.02%	53.69%
<b>MBPP</b>	31.64%	31.97%	35.65%	41.78%
<b>MBSP</b>	55.91%	56.85%	57.02%	57.36%

Jadual 1: Kadar Kitar Semula Di Negeri Pulau Pinang Dan PBT

- (a) Bagi meningkatkan kadar kitar semula, MBPP dan MBSP telah melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti di **Jadual 2** berikut:

<b>Tindakan MBPP</b>	<b>Tindakan MBSP</b>
i. Menganjurkan Program Fraser & Neave Holdings Berhad (F&N) Kitar Semula dan Anugerah Sekolah Hijau;	i. Pelantikan kontraktor untuk melaksanakan kutipan barang kitar semula secara lebih efektif dengan memperkenalkan aplikasi dalam talian;
ii. Mempergiatkan promosi dan pendidikan awam melalui pendekatan 5R ( <i>Refuse, Reduce, Reuse, Repurpose and Recycle</i> );	ii. Penyediaan Dasar Pengasingan Sisa Organik bagi mengurangkan kemasukan sisa ke Tapak Pelupusan Akhir;
iii. Menjalankan kerjasama dengan pihak swasta melalui Konsep 4P ( <i>Private, Public, Professional, People Partnership</i> ) untuk menggalakkan amalan budaya pengasingan sisa;	iii. Mewujudkan <i>Integrated Solid Waste Management Centre</i> (ISWMC) di Ampang Jajar, Seberang Perai;
iv. Memperkasa kesedaran melalui pendidikan awam dan penguatkuasaan kepada semua skim termasuk sekolah, institusi, kampung, komersial, kilang, taman perumahan bertanah dan kediaman bertingkat;	iv. Memajukan Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung yang berkebolehan memproses sehingga 90% sisa yang masuk; dan
v. Menyediakan pusat-pusat kitar semula dengan semua Ahli Majlis MBPP di lokasi-lokasi tumpuan;	v. Memperbanyakkan pusat kitar semula komuniti di seluruh Seberang Perai.
vi. Mewajibkan semua pemajuhan untuk menggunakan semula sumber di tapak projek bagi mengurangkan sisa yang dihantar ke tapak pelupusan; dan	
vii. Memuat naik poster dan video kesedaran dan pendidikan berkaitan pengasingan sisa dan pengurusan sisa yang betul melalui media rasmi MBPP.	

Jadual 2: Tindakan PBT Dalam Meningkatkan Kadar Kitar Semula



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

12. Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh PBT mengenai penguatkuasaan Pengasingan Sisa di Punca yang akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2024.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (BKT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi menguatkuasakan pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca adalah seperti berikut:
  - (i) *Advocacy Enforcement* dilakukan pada setiap hari Sabtu di premis bertanah dan bertingkat sebagai langkah awal pemakluman dan pendidikan kepada masyarakat awam;
  - (ii) Pemasangan kain rentang (*banner*) di kawasan kediaman dan kawasan tumpuan orang awam;
  - (iii) Penyediaan video, poster dan sepanduk yang berkaitan di laman media sosial MBPP dan MBSP seperti Facebook, TikTok serta papan-papan iklan LED di sekitar kawasan pentadbiran MBPP dan MBSP;
  - (iv) Memperkasa kesedaran melalui pendidikan awam kepada semua skim termasuk sekolah, institusi, kampung, komersial, kilang, taman perumahan bertanah dan kediaman bertingkat;

- (v) Penyediaan lokasi-lokasi pusat pengumpulan barang kitar semula secara berpusat dengan kerjasama pelbagai pihak;
- (vi) Memberikan taklimat kesedaran kepada pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk, wakil Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan wakil Pejabat Ahli Parlimen;
- (vii) Pengedaran risalah Pengasingan Sisa di Punca di kawasan kediaman, kawasan komersial dan kawasan perindustrian;
- (viii) Mengadakan operasi penguatkuasaan berkaitan pelaksanaan Pengasingan Sisa di Punca bagi kawasan kediaman; dan
- (ix) Mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada pemilik/penghuni rumah yang tidak menjalankan Pengasingan Sisa di Punca.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

13. Kebanyakan penduduk tidak mengetahui mengenai kutipan sisa yang telah diasingkan untuk kitar semula. Apakah pelan tindakan PBT untuk mengatasi kekeliruan yang akan timbul mulai 1 Julai 2024.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi mempromosikan pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca adalah seperti berikut:-
  - (a) *Advocacy Enforcement* dilakukan pada setiap hari Sabtu di premis bertanah dan bertingkat sebagai langkah awal pemakluman dan pendidikan kepada masyarakat awam;
  - (b) Pemasangan kain rentang (*banner*) di kawasan kediaman dan kawasan tumpuan orang awam;
  - (c) Penyediaan video, poster dan sepanduk yang berkaitan di laman media sosial MBPP dan MBSP seperti Facebook, TikTok serta papan-papan iklan LED di sekitar kawasan pentadbiran MBPP dan MBSP;
  - (d) Memperkasa kesedaran melalui pendidikan awam kepada semua skim termasuk sekolah, institusi, kampung, komersial, kilang, taman perumahan bertanah dan kediaman bertingkat;
  - (e) Penyediaan lokasi-lokasi pusat pengumpulan barang kitar semula secara berpusat dengan kerjasama pelbagai pihak;

- (f) Memberikan taklimat kesedaran kepada pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk, wakil Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan wakil Pejabat Ahli Parlimen;
- (g) Pengedaran risalah Pengasingan Sisa di Punca di kawasan kediaman, kawasan komersial dan kawasan perindustrian;
- (h) Mengadakan operasi penguatkuasaan berkaitan pelaksanaan Pengasingan Sisa di Punca bagi kawasan kediaman; dan
- (i) Mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada pemilik/penghuni rumah yang tidak menjalankan Pengasingan Sisa di Punca.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

14. Apakah Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan Pulau Pinang sebagai negeri yang berdaya saing. Nyatakan langkah yang akan dan telah diambil untuk meningkatkan daya saing Pulau Pinang.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

14. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan daya saing negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (1) Memfokuskan kepada matlamat dan hala tuju dalam menarik projek-projek pelaburan baharu yang strategik ke dalam negeri

Fokus dan hala tuju bagi menarik lebih banyak pelaburan baharu ke negeri Pulau Pinang adalah ditumpukan kepada projek-projek strategik yang membawa nilai tambah (*value-add*) sama ada dalam perkembangan teknologi, kemahiran tenaga kerja tempatan dan perkembangan ekosistem. Nilai tawaran (*value proposition*) industri Pulau Pinang cenderung terhadap projek-projek intensif ilmu (*knowledge intensive*), penyelidikan dan pembangunan (R&D). Projek-projek yang memerlukan tenaga kerja tidak mahir yang ramai tidak lagi sesuai untuk dilaksanakan di Pulau Pinang.

Selain itu, penyumberan tempatan rantaian bekalan juga diberi tumpuan semasa penarikan pelabur asing ke dalam negeri. Ini adalah sebahagian daripada usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk melengkapkan ekosistem pembuatan dan memupuk kerjasama di antara pelabur asing dengan syarikat tempatan.

Pelabur-pelabur asing digalakkan untuk menyumbang bahan mentah atau proses pembuatan mereka dari pasaran tempatan dan membantu pembangunan syarikat tempatan secara langsung melalui platform kerjasama seperti penganjuran hari pembekal, hari terbuka dan sebagainya.

(2) Memantapkan pelaksanaan “*Hand Holding Program*”

Pelaksanaan *Hand Holding Program* oleh InvestPenang telah membolehkan para pelabur baharu yang ingin beroperasi di negeri Pulau Pinang diberi perhatian dan sokongan untuk memudahkan urusan dalam menubuhkan syarikat perniagaan, membina atau menyewa bangunan kilang yang baharu dan memulakan operasi pengilangan. Ini adalah bagi memastikan kemudahan untuk menjalankan perniagaan *ease of doing business* di Pulau Pinang kekal tinggi berbanding dengan pesaing-pesaing utama seperti negara Singapura, Vietnam, Thailand, Indonesia dan sebagainya.

(3) Memperkuuh kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri

Kerajaan Negeri akan terus memperkuuh kerjasama dan sinergi dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDeC) dan Talent Corp. Sesi mesyuarat serta perbincangan secara berkala bagi meningkatkan lagi usaha sama berkaitan promosi pelaburan dan pembangunan sumber manusia di negeri Pulau Pinang sentiasa diadakan. Ini termasuk perkongsian sumber-sumber dan perkongsian maklumat awal mengenai bakal pelabur yang disasarkan, kemudahan pasca pelaburan (*post-investment facilitation*) bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai daya tarikan untuk menarik lebih ramai bakat baharu dari dalam dan luar negeri Pulau Pinang.

Selain itu, perkongsian maklumat terkini mengenai trend industri global, cabaran terkini mahupun ruang atau peluang yang ada turut diperkasakan bagi mengekalkan kedudukan negeri Pulau Pinang sebagai lokasi utama pilihan pelabur.

- (4) Membangunkan Taman-taman Perindustrian baharu bertaraf Antarabangsa

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) juga telah berusaha bagi mempercepatkan pembangunan taman-taman perindustrian baharu yang lengkap dengan kemudahan infrastruktur yang bertaraf antarabangsa seperti Taman Teknologi Bandar Cassia (Bandar Cassia Technology Park), Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP3) dan Penang Science Park South (PSPS). Ketiga-tiga taman perindustrian yang baharu ini mempunyai jumlah keluasan tanah yang melebihi 800 ekar dan dapat menampung jumlah permintaan tanah perindustrian yang tinggi oleh pelabur asing dan tempatan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

15. Berapakah jumlah penjaja tanpa lesen di kawasan DUN Batu Lancang?
- (a) Apakah perancangan MBPP untuk membantu mereka dalam mencari nafkah kehidupan mereka?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Jumlah penjaja tanpa lesen di kawasan KADUN Batu Lancang **adalah seramai 308 penjaja.**
- (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang sentiasa prihatin dan komited dalam membantu para penjaja di Pulau Pinang untuk mencari nafkah kehidupan mereka dan telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:
- (i) Meluluskan lima (5) lesen gerai tanah persendirian di kawasan KADUN Batu Lancang; dan
- (ii) Meluluskan sebanyak 300 tapak lesen penganjuran Pasar Malam di Jalan Van Praagh.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

16. Senaraikan program-program yang akan dilaksanakan bagi pembangunan sektor pelancongan negeri Pulau Pinang.
  - (a) Berapakah jumlah dan peratus kemasukan pelancong asing ke Pulau Pinang mulai tahun 2018 hingga 2023?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Kerajaan Negeri melalui agensi-agensinya seperti Penang Global Tourism (PGT) akan dan sedang melaksanakan program dan projek pelancongan seperti berikut:-
  - (i) Program pemasaran melalui PGT melalui penyertaan pameran perdagangan dan pameran pelancongan dalam dan luar negara. Penglibatan Pulau Pinang dalam pameran pelancongan antarabangsa membantu mengekalkan momentum dan mendapatkan kedudukan yang kukuh serta kehadiran yang menyasarkan segmen *business-to-business* (B2B) dan *business-to-consumer* (B2C). PGT menganjurkan sesi B2B untuk bertemu dengan pemain industri pelancongan Pulau Pinang untuk menjalin hubungan dan meneroka peluang perniagaan;
  - (ii) *Experience Penang Roadshow* adalah sebuah jerayawara yang penting memastikan pelancongan Pulau Pinang bersedia untuk mengalu-alukan kedatangan pelancong antarabangsa ke Pulau Pinang. *Roadshow* itu adalah untuk mempromosikan dan mengemas kini produk Pulau Pinang kepada pemain industri. Ia juga menghubungkan pemain industri pelancongan

Pulau Pinang dengan agensi pelancongan tempatan untuk meneroka lebih banyak peluang perniagaan. PGT bersama pemain industri pelancongan Pulau Pinang turut menyertai pameran pelancongan tempatan untuk mempromosikan produk pelancongan untuk pasaran domestik;

- (iii) PGT secara berterusan bekerjasama dengan Tourism Malaysia dan pejabat pelancongan di luar negara, syarikat penerbangan dan rakan perdagangan pelancongan luar negara dengan bergabung tenaga bersama Tourism Malaysia dalam menyertai pameran perdagangan terkenal antarabangsa. Keseluruhan usaha akan memastikan impak yang optimum serta jangkauan kepada pasaran sasaran negeri;
- (iv) Perjalanan Suai Kenal “*Familiarization (FAM) Trips*” ke Pulau Pinang adalah salah satu kempen promosi yang paling proaktif dan kos efektif. Ianya mempromosikan Pulau Pinang dan membantu Pulau Pinang mengembangkan liputannya ke seluruh dunia. Lawatan ahli media juga memberikan liputan media yang baik untuk Pulau Pinang;
- (v) PGT juga akan menjalankan pelbagai kempen untuk pasaran yang disasarkan dengan bekerjasama dengan syarikat penerbangan *and Online Travel Agency (OTA)*;
- (vi) Pembukaan Gurney Bay, sebuah projek berdasarkan *waterfront* di Pulau Pinang. Cadangan pelan induk konsep Gurney Bay merangkumi empat bidang ciri yang berbeza iaitu: *Seaside Retail F&B, Water Gardens, Beach* dan *Coastal Grove*. Fasa 1 Gurney Bay telah dibuka kepada pengunjung pada awal tahun 2024;
- (vii) Projek Kereta Kabel di Bukit Bendera yang akan memulakan pembinaan di tapak pada tahun 2024;
- (viii) Ferringi Bay: *longest beachfront container boulevard* di Malaysia;
- (ix) *Penang Waterfront Convention Centre* yang sedang dalam proses pembinaan;
- (x) Hotel-hotel baharu termasuk The George Penang by The Crest, Penang Marriott Hotel, Crowne Plaza Penang Straits City, HARRIS Hotel Sunshine Penang, Citadines Tanjung

- Tokong Penang, lyf Georgetown Penang, Iconic Marjorie Hotel, Intercontinental Penang Resort, The Westin Penang, dan Le Meridien Penang Resort dan lain-lain;
- (xi) Projek kerja-kerja pemulihan Fort Cornwallis yang merupakan struktur bersejarah utama di Pulau Pinang dan salah satu struktur tertua di Malaysia dijangka siap menjelang suku pertama 2025. Projek itu diusahakan oleh George Town Conservation and Development Corporation (GTCDC);
  - (xii) Muzium Negeri Pulau Pinang iaitu salah satu bangunan tertua di Pulau Pinang, akan dibuka semula sebagai muzium negeri yang baharu selepas kerja-kerja pengubahsuaian siap. Muzium ini mempunyai status Kategori Satu di bawah UNESCO World Heritage Site, dan pengubahsuaian bahagian dalamannya dilakukan dengan perancangan yang teliti. Bangunan di sepanjang Jalan Farquhar amat penting kepada sejarah Pulau Pinang. Galeri Arkeologi Guar Kepar di Seberang Perai Utara sedang dibina dan dijangka dibuka untuk orang ramai pada akhir tahun 2024; dan
  - (xiii) Kerajaan Negeri juga meneruskan penganjuran program-program utama pelancongan seperti George Town Festival, Penang Hill Festival, Bon Odori, Sambutan Hari Warisan Dunia Georgetown, Penang International Dragon Boat Regatta, Chap Goh Meh, Perarakan Chingay di George Town dan Butterworth, Butterworth Fringe Festival dan lain-lain lagi.

Kerajaan Negeri juga melalui agensinya PICEB Sdn Bhd melakukan kempen untuk menarik lebih banyak pameran, konvensyen dan persidangan untuk diadakan di Pulau Pinang dan membawa lebih ramai peserta luar dengan bilangan yang banyak.

- (b) Jumlah kemasukan pelancong asing dan peratusan berbanding kemasukan pelancong tempatan melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dari 2018 sehingga 2023 adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan Kemasukan Pelancong Asing dan Peratus Berbanding Kemasukan Pelancong Tempatan.

Tahun	Bilangan Pelancong Asing	Peratus Berbanding Pelancong Tempatan (%)
2018	570,499	74.20
2019	669,679	69.76
2020	95,287	62.20
2021	2,568	-108.80
2022	243,574	20.52
2023	773,153	35.80

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

17. Nyatakan jumlah kemasukan pelancong asing mengikut negara ke negeri Pulau Pinang mulai tahun 2018 hingga 2023.
- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kemasukan mereka?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Jumlah kemasukan pelancong asing mengikut negara ke Pulau Pinang dari 2018 hingga 2023 melalui penerbangan antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri sentiasa mempergiatkan usaha pemasaran pelancongan melalui penyertaan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu *Penang Global Tourism* (PGT) dan *Penang Convention and Exhibition Bureau* (PCEB) dalam eksposur pelancongan antarabangsa seperti ITB China, ITB Asia di Singapura dan Arabian Travel Mart (ART) di Dubai. Selain itu, PGT dan PCEB turut menganjurkan acara di luar negara seperti *Penang Roadshow To India* (PRTI) dan *Penang Roadshow di Taipei*.

PGT dan PCEB juga mengekalkan hubungan baik dengan pegawai Tourism Malaysia di luar negara dalam usaha mempergiatkan pemasaran dan mengharumkan nama Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama di mata dunia.

## KETIBAAN PELANCONG MELALUI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA PULAU PINANG

2018-2023

BIL	WARGANEGERA	2018	2019	2020	2021	2022	2023
1	WARGANEGERA MALAYSIA	143,412	198,945	35,611	5,356	192,226	493,343
2	PENDUDUK TETAP	3,769	3,580	406	6	1,361	3,028
	<b>JUMLAH A</b>	<b>147,181</b>	<b>202,525</b>	<b>36,017</b>	<b>5,362</b>	<b>193,587</b>	<b>496,371</b>
1	SINGAPURA	56,149	117,689	12,984	210	<b>73,515</b>	186,353
2	AUSTRALIA	17,950	20,644	3,668	90	6,823	16,986
3	NEW ZEALAND	2,606	3,049	456	7	883	2,214
4	KANADA	4,304	5,622	936	13	1,267	4,747
5	UNITED KINGDOM	19,518	19,400	3,276	108	5,198	15,500
6	HONG KONG S.A.R	0	0	0	11	146	336
7	HONG KONG C.I	1	0	5	26	291	0
8	SRI LANKA	186	174	22	1	71	316
9	BANGLADESH	220	274	67	1	342	1,447
10	INDIA	7,839	7,744	778	24	2,569	7,348
11	BRUNEI DARULSALAM	68	164	16	0	62	107
12	LAIN-LAIN NEGARA KOMANWEL	14,708	15,128	1,561	5	3,562	11,615
	<b>JUMLAH B</b>	<b>123,549</b>	<b>189,888</b>	<b>23,769</b>	<b>496</b>	<b>94,729</b>	<b>246,969</b>
1	USA	17,304	19,624	2,716	142	7,278	20,601
2	CHINA	72,386	66,854	7,903	47	3,836	37,711
3	RUSSIA	1,756	2,034	317	0	635	1,913
4	AMERIKA LATIN	961	958	111	5	462	2,608
5	NEGARA-NEGARA ARAB	2,521	3,434	392	1	622	2,692
6	JERMAN	6,438	6,497	1,141	40	2,372	5,651
7	PERANCIS	5,247	6,079	1,163	24	1,444	4,365
8	DENMARK, FINLAND, NORWAY, SWEDEN	3,278	3,478	724	16	456	1,185
9	BELGIUM, BELANDA, LUXEMBOURG	2,568	3,774	678	37	1,038	2,637
10	EROPAH BARAT	5,011	6,104	878	37	2,321	9,286
11	EROPAH TIMUR	5,014	4,225	862	15	893	5,454
12	FILIPINA	1,809	5,262	829	41	1,773	5,752
13	THAILAND	18,211	17,443	2,110	740	8,696	21,652
14	TAIWAN	27,262	26,506	6,760	181	2,984	35,223
15	INDONESIA	245,920	275,933	40,336	243	106,507	345,786
16	PAKISTAN	216	260	63	6	81	2,000
17	JEPUN	23,241	21,967	3,046	335	3,981	13,285
18	KOREA SELATAN	6,199	6,766	1,093	110	1,807	6,201
19	LAIN-LAIN NEGARA BUKAN KOMANWEL	1,608	2,593	396	52	1,659	2,182
	<b>JUMLAH C</b>	<b>446,950</b>	<b>479,791</b>	<b>71,518</b>	<b>2,072</b>	<b>148,845</b>	<b>526,184</b>
	<b>JUMLAH B + C</b>	<b>570,499</b>	<b>669,679</b>	<b>95,287</b>	<b>2,568</b>	<b>243,574</b>	<b>773,153</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

18. RMKe-12 mempunyai tiga dimensi iaitu Pemerkasaan Ekonomi, Kemampanan Alam Sekitar dan Perekayasa Sosial. Senaraikan projek-projek di negeri Pulau Pinang yang berjaya menepati tiga dimensi berkenaan.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

18. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) merupakan sebuah rangka tindakan komprehensif dengan strategi yang jelas bagi perancangan peruntukan belanjawan negara dari tahun 2021 hingga 2025 bagi semua sektor ekonomi di Malaysia. RMK-12 telah dibentangkan di Parlimen pada 27 September 2021 dengan mengetengahkan kepada tiga dimensi, yakni pembangunan semula ekonomi, penerapan sistem sosial yang inklusif dan penekanan terhadap pembangunan mapan.

Kendatipun begitu, satu Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) yang bertemakan ‘Malaysia MADANI: Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi’ telah diadakan bagi merealisasikan wadah ‘Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat’ oleh Kerajaan Perpaduan pada hari ini. KSP RMKe-12 telah menjadi satu titik tolak kepada usaha menangani cabaran utama ekonomi negara iaitu kesenjangan pembangunan dan pendapatan, ruang fiskal terhad dan peralihan struktur ekonomi yang perlahan.

Kajian semula dasar dan strategi RMKe-12 adalah mustahak untuk memastikan Malaysia kekal pada landasan pertumbuhan yang disasarkan. KSP RMKe-12 telah mengetengahkan kepada tiga fokus utama, iaitu **memperkuatkan kemampanan, membangunkan**

**masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi.**

Sebanyak 17 Anjakan Besar telah diperkenalkan meliputi strategi dan inisiatif penting yang akan menjadi pemangkin utama dalam mempercepat usaha reformasi pembangunan sosioekonomi negara, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI. Antara Anjakan Besar ini termasuk pembangunan industri *high growth high value* (HGHV), pengukuhan kemampanan fiskal, penyasaran semula subsidi, peralihan tenaga yang lebih cepat, peluasan teknologi dan pendigitalan melalui GovTech serta pemerkasaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Di samping itu, reformasi perlindungan sosial, pembudayaan masyarakat MADANI, peningkatan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, perumahan dan pengangkutan awam serta reformasi pasaran buruh dan gaji bagi memastikan ketersediaan bakat masa hadapan juga merupakan sebahagian daripada Anjakan Besar ini.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyokong dan menyahut kepada KSP RMKe-12 ini dengan mengemukakan permohonan projek-projek pembangunan negeri yang memfokuskan kepada tiga perkara utama iaitu memperkuuh kemampanan, membangunkan masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi. Kesemua permohonan yang dikemukakan adalah juga berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PB) 1.3 iaitu Garis Panduan Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2025.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

19. Virtual Island Penang dilancarkan pada April 2023 dan dijangka siap pada Disember 2024. Nyatakan faedah-faedah yang akan diperolehi oleh rakyat Pulau Pinang melalui projek tersebut dan berapakah kos projek?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Virtual Island Penang (VIP) merupakan suatu inisiatif oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi memperkasakan pembuat keputusan kolaboratif yang mana mampu mewujudkan peringkat baharu terhadap kecerdasan situasi, visualisasi dan keupayaan dalam pengurusan insiden yang lengkap. Hal ini membolehkan pihak perancang, penguatkuasa, pegawai trafik dan kakitangan bandar yang terlibat membuat keputusan dengan tepat tatkala berhadapan dengan tugas rutin atau situasi yang tidak dijangka dengan memastikan aliran maklumat tepat pada masanya. VIP ini dijangka untuk dilancarkan pada Februari 2025 bersama pembukaan Makmal VIP yang bertempat di Tingkat 11, KOMTAR. Pelaksanaan projek ini melibatkan dua (2) fasa dengan kos berjumlah RM14,409,440.00.

Antara faedah yang akan diperoleh melalui pelaksanaan VIP ini adalah seperti berikut:

- (a) Pemantauan dari aspek pematuhan dan mengenal pasti ancaman yang berpotensi timbul daripada pengembangan bandar di kawasan Warisan Dunia UNESCO (*inner city*) melalui gambaran keseluruhan mengenai status terkini di kawasan warisan;

- (b) Membantu melindungi nyawa, harta benda, meningkatkan daya tahan masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan mampan di kawasan yang terdedah kepada risiko bencana banjir dan tanah runtuh;
- (c) Membantu Pihak Berkuasa Tempatan secara efisien dalam mengukur anggaran kerosakan kritikal pada infrastruktur seperti jalan raya dan harta awam;
- (d) Mengoptimumkan sistem pengangkutan melalui data lalu lintas yang terkini dan nyata, meningkatkan keselamatan jalan raya dan menyokong pengambilan keputusan yang tepat untuk perancangan dan pembangunan bandar ketika berlakunya bencana banjir;
- (e) Mengoptimumkan pengagihan pokok dan infrastruktur bandar hijau serta mempromosikan persekitaran bandar yang lebih sihat. Sistem baharu ini akan menggabungkan tiga sistem sedia ada iaitu PeTIS, OSIS, dan SPA dengan ciri visualisasi dan jadual penyelenggaraan;
- (f) Menyumbang kepada tadbir urus yang berkesan, pematuhan peraturan yang lebih baik dan aktiviti penguatkuasaan yang lebih baik;
21	Pangsapuri Service Metro, Bandar Perda oleh Tetuan Ramana Venture Sdn. Bhd.		17
22	Taman Beduk Indah, Jalan Sungai Bakap, Mukim 12, Seberang Perai Selatan oleh Tetuan Lifetime Property Sdn. Bhd.		6
23	Pangsapuri Perkhidmatan Palma, Persiaran Mutiara 8, Mukim 15, Seberang Perai Selatan oleh Tetuan Palmington Sdn. Bhd.	Julai - September 2022	5
24	Lorong Sungai Dua Utama 3, Taman Sungai Dua Utama oleh Tetuan Prima Utara Sdn. Bhd.		130
25	Jalan Permai, Taman Idaman Permai, Mk 7, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan (Lot 6174) oleh Tetuan Gooi Kok Boo & Pn. Ooi Mooi Lin		12
26	Taman Kalidonia, Mk.11, Seberang Perai Selatan (PT 2195) oleh Tetuan Eco Horizon Sdn. Bhd.		163

**LAMPIRAN B**

BIL	LOKASI PENANAMAN	TARIKH/ TAHUN PELAKSANAAN	BILANGAN POKOK (NOS)
27	3 Unit Restoren Makanan Segera, Persiaran Cassia Barat 8, Mk.13, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan (Sebahagian Lot 21552) oleh Tetuan Ikano Penang Sdn. Bhd.		20
28	Taman Jasa Intan (Fasa 1), Mk.15, Seberang Perai Tengah oleh Tetuan DNP Land Sdn. Bhd.		274
29	Taman Hijauan Hill (Lot PT 2316-2349, PT2350-2352, PT2355 & PT2369 (Lot Lama 7-14, 25-27, 134, 1438), Mk.15, lot 10018, Mk.2(Lot Lama 1344, Mk.15) & Lot 322, 67, 72, 243, 324, 377 &388, Mk. 2) Jalan Valdor, Seberang Perai Selatan oleh Tetuan Asas Dunia Sdn. Bhd.	Oktober - Disember 2022	288
30	Pangsapuri Cantik, Jalan Cantik, Seksyen 3, Butterworth, Seberang Perai Utara (Lot 166) oleh Tetuan Sungguh Gemilang Dev. Sdn. Bhd.	Oktober - Disember 2022	23
31	Taman Lembah, Jalan Lembah Indah (Sebahagian Lot 30851), Seberang Perai Tengah oleh Tetuan Prima Jadi (PG) Sdn. Bhd.	Oktober - Disember 2022	60
32	Perda Tech, (Sebahagian Lot 1210 (PA 82136) Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan oleh Tetuan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang		26
33	Kilang Robert Bosch Semiconductor Manufacturing (Plot 350), Persiaran Cassia Selatan 3, Taman Perindustrian Batu Kawan, Seberang Perai Selatan oleh Tetuan Robert Bosch Semiconductor Manufacturing Penang Sdn. Bhd.	Oktober - Disember 2022	63
34	Bertam Lake View (Bertam Perdana 2 Fasa 1B), Lot 13449 & 13453, MK.6 oleh Tetuan Bertam Properties Sdn. Bhd.		189

**LAMPIRAN B**

35	Taman Mengkuang Ria (Lot 3874, Jalan Mengkuang Keretapi, Mk.20, Seberang Perai Tengah oleh Tetuan Venice Trend Sdn. Bhd.		10
36	Lorong Asas Tani 1, PERDA, Kubang Menerong, Kepala Batas (Lot 15625, 15626 & 15627, Mk.12) Oleh Tetuan ALMM Holding Sdn. Bhd.		30
37	Tempat Kediaman & Komuniti Orang-Orang Tua, Jalan Besar (Bukit Teh, Lot 2311, Mk.12) oleh Tetuan Khoo Boo Leong		10
<b>JUMLAH PENANAMAN POKOK</b>			<b>1,514</b>

**PENANAMAN POKOK YANG DILAKSANAKAN MELALUI  
PEMBANGUNAN LANDSKAP OLEH PEMAJU (TAHUN 2023)**

BIL	LOKASI PENANAMAN	TAHUN PELAKSANAAN	BILANGAN POKOK (NOS)
1	Taman Oren - Lot 35, 44-45, 48 & 2816, Sek.1, Bandar Butterworth, Seberang Perai Utara		108
2	Kilang - Off Jalan Serunai, Kaw. Perindustrian Valdor, Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan (Lot 20110)		9
3	Stesen Minyak Caltek dan Restoren Pandu Lalu (Buger king & Zuf Coffee - Jalan Perniagaan Vortex 1, Batu Kawan, Mukim 14, Seberang Perai Selatan)	Januari – Disember 2023	37
4	Kilang NE Integrated, Lorong IKS Bukit Minyak 1, Mk 14, Seberang Perai Tengah		8
5	Tokong Chang Hua Khor Moral Uplifting, Jalan Tanah Liat, Sek.2, Seberang Perai Tengah		14

**LAMPIRAN B**

6	Auto City Theme Park, Persisiran Sungai Juru, Mukim 11, bersebelahan Auto City, SEBERANG PERAI TENGAH (Lot 15 (1, 5, 139, 140 & 16-digunakan sebagai jalan)	63
7	Taman Jasa Ria (Fasa 2), Lot Pt 3676-PT 3741, Mk 15, Seberang Perai Tengah	30
8	Taman Tasek Gelugor Utama (Fasa 2), Mk.12, Seberang Perai Utara (Lot 535, 567-568, 3262-3263 & 5628, Lot baru 21141 & 21142)	635
9	Stesen Minyak Petronas berserta kedai serbaneka di atas Lot 10592, Mk 19, Seberang Perai Tengah (Lorong Akasia 14, Jalan Ara Kuda)	22
10	Taman Pauh Jaya, Lot 10446-10448, Mk.6. Jalan Baru, Seberang Perai Tengah (Sebelah Evoke)	187
11	Taman Jasa Ria (Fasa 2), Lot 30121-30402, 30604-30607, 03610, 3061-30613, 30616-30617, 30620 & 30620 & 30621 (Lot lama 1130 & sebahagian Lot 1255), Mukim 15, Seberang Perai Tengah	122
12	Skim perumahan di atas Lot lama 5387, Mukim 7, Jalan Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan (Taman Seri Saujana Permai)	204
13	Taman Sepadu Jaya (D'halona), Lot 20084, 20086, sebahagian Lot 20083 (Lot Baru 21143, Mukim 12 Jalan Kubang Menerong (Fasa 1 & 2)	609
14	Stesen Minyak Shell, sebahagian Lot 3488 & Lot 3489, Mukim 15, Jalan Tasek	8

**LAMPIRAN B**

BIL	LOKASI PENANAMAN	TAHUN PELAKSANAAN	BILANGAN POKOK (NOS)
15	Kilang Industri Ringan, Lot 3850, Mukim 16, Jalan Kilang Tebu		16
16	Skim pembangunan di atas sebahagian Lot 24182 (Lot Lama 8747), Lot 21485 (Lot lama 22) & Lot 1345, Mukim 15, Jalan Tasek Mutiara		88
17	Stesen Minyak Petron, Lot 2309, Mukim 16, Jalan Bukit Teh, Machang Bubuk.		5
18	Pusat Perniagaan Seri Juru, Mukim 13, Jalan Pinang, Seberang Perai Tengah (Di atas Lot 4723 (Lot Lama 652)		72
19	Sebahagian Lot 30655, Mukim 15, Jalan Seladang, Seberang Perai Tengah (The Sky)		486
20	Di atas Lot 10017 & sebahagian Lot 415, No.391, Jalan Tasek, Simpang Ampat, Mukim 12, Seberang Perai Selatan (Kilang Federal Packages Sdn. Bhd.)	Januari – Disember 2023	7
21	Di atas Lot 535, 567, 568, 3262, 3263 & 5688 (Lot Baru 21141 & 21142), Mukim 12, Seberang Perai Utara (Taman Tasek Gelugor Utama)		367
22	Kedai Pejabat 3 Tingkat di atas PT2431 & PT2432 (sebahagian Lot Lama 1599) Jalan Raya Uda, Seksyen 1, Butterworth, Seberang Perai Utara		15
23	Skim perumahan di atas sebahagian Lot 24822, 24824 & 24825, Mukim 6, Seberang Perai Utara (Taman Mekarsari Anggun)		96
24	Skim Pembangunan komersial zon A, di atas sebahagian Lot-lot 1557, 1826, 1829, 2457, & 2446, Mukim 6, Seberang Perai Utara		299
25	Skim Perumahan di atas Lot 1956 & 1857, Mukim 15, Seberang Perai Tengah (Taman Seri Impian 2 (Fasa 1))		329
26	Skim perumahan di atas Lot 10200 & 10201 Mukim 20, Seberang Perai Tengah (Taman Mengkuang Jaya)		26

**LAMPIRAN B**

27	Di atas Lot 535, 567, 568, 3262, 3263 & 5688 (Lot Baru 21141 & 21142), Mukim 12, Seberang Perai Utara (Taman Tasek Gelugor Utama-Fasa 3)		246
28	Skim Perumahan Rumah Mampu Milik Berpagar (Hakmilik Strata), Di Atas Lot 5569 - Lot 5657 & Tanah Kerajaan (Di Atas Lot 5665 & Simpanan Jalan Sediada Berkeluasan 3.29 Ekar) (Sebahagian Lot Lama 4378) Jalan Desa Sena, Tasek Gelugor, Mukim 12, Seberang Perai Utara - Taman Sena Emas		113
29	Industri di atas Lot 30228 & 30229, Jalan Rozhan, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Taman Industri Impian Ria)		88
30	Skim Perumahan di atas Lot 20084, 20086, Sebahagian Lot 20085 & Sebahagian Lot 20083 (Lot Baru 21143), Jalan Kubang menerong, Seberang Perai Utara (Taman Sepadu Jaya-Fasa 3)		229
BIL	LOKASI PENANAMAN	TAHUN PELAKSANAAN	BILANGAN POKOK (NOS)
31	Ruang pameran di atas Lot 2832, Jalan Kampung Benggali, Seksyen 4, Bandar Butterworth, Seberang Perai Utara	Januari – Disember 2023	6
32	Skim perumahan di atas Lot 31345, Mukim 14, Seberang Perai Utara (Taman Santuari/ Sanctuary Terrace)		147
33	Skim perumahan di atas sebahagian Lot 1276, Mukim 14, Seberang Perai Selatan (Taman Rebana Indah)		146
34	Skim perumahan di atas Lot 535, 567, 568, 3262, 3263 & 5688 (Lot Baru 21141 & 21142), Mukim 12, Seberang Perai Utara (Taman Tasek Gelugor Utama-Fasa 5)		187
35	Skim Perumahan di atas Lot 31345, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Taman Santuari/ Sanctuary Terrace)		147
36	Pembangunan di atas Lot 32478, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Kilang, Jalan IKS Bukit Minyak)		21

**LAMPIRAN B**

37	Skim Perumahan di atas Lot 128, 129, 1435 & 1437 (Lot Baru 20044), Mukim 16, Jalan Gajah Mati, Seberang Perai Utara (Taman Jadi)		27
38	1 Unit Kedai/ Pejabat 3 Tingkat di atas 451, Seksyen 4, Seberang Perai Utara (Kheng Seng Letrik (M) Sdn. Bhd.)		51
39	Pangsapuri Kos Sederhana Rendah di atas Lot 6247(P.T 46) & 6249 (P.T 50), Jalan Telok Air Tawar, Butterworth, Mk.7, Seberang Perai Utara (Pangsapuri Wakaf An-Nur Blok A & B)		47
40	Skim perumahan di atas Lot 535, 567, 568, 3262, 3263 & 5688 (Lot Baru 21141 & 21142), Mukim 12, Seberang Perai Utara (Taman Tasek Gelugor Utama-Fasa 4)		321
41	Kilang di atas Plot P22E, Jalan PSPN 3, Penang Science Park North, Mukim 13, Seberang Perai Tengah (Kilang Lem Malaysia Sdn. Bhd.)		30
42	Skim Perumahan di atas PT813 hingga 994 (Lot Lama 1667, 1668 & 1265), Hijauan Valdor, Jalan Persekutuan Laluan 1, Mukim 15, Seberang Perai Selatan		234
43	Cadangan untuk mendirikan Industri Ringan, di atas Lot 783 & Sebahagian Lot 782 & 784, Mukim 6, Seberang Perai Tengah (Jalan Saga Jaya 1, 8 & 9)		30
44	Stesen Minyak Caltex di atas Lot 847, Mukim 17, Seberang Perai Tengah		8
45	Skim Perumahan (Hak Milik Strata) di atas Lot 21145 (PT5261), Mukim 13, Persiaran Cassia 2, Seberang Perai Selatan (Taman ECO Horizon)		126
46	Kilang Perusahaan Ringan di atas Lot 1248, Mukim 12, Seberang Perai Selatan		95
<b>JUMLAH PENANAMAN POKOK</b>			<b>6,161</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

24. Nyatakan inisiatif Kerajaan Negeri dan PBT dalam melaksanakan penjimatan elektrik.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Dalam usaha memenuhi aspirasi Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri Hijau dan Pintar, pembangunan bandar pintar adalah antara perkara yang amat dititik beratkan selaras dengan Visi Penang2030: A Family-Focused, Green and Smart State that inspires the Nation. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan setiap inisiatif yang ingin dilaksanakan mengambil kira keperluan semua lapisan masyarakat serta jurang pengetahuan digital dengan menyediakan fungsi-fungsi pintar yang mesra pengguna, mudah digunakan serta memberi manfaat.

Pulau Pinang juga sentiasa mengiktiraf keperluan untuk menjadi bandar rendah karbon melalui dasar-dasar seperti Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan dan Visi Penang2030. Agenda hijau telah bermula sejak tahun 2010 lagi dengan pelaksanaan Dasar Cleaner, Greener Penang.

Bagi menyokong usaha tersebut, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif penjimatan elektrik seperti penggantian lampu jalan jenis *high pressure sodium vapour* (HPSV) kepada jenis *light emitting diode* (LED) di seluruh negeri Pulau Pinang.

Selain itu, pelbagai usaha juga telah dilakukan oleh jabatan dan agensi Kerajaan Negeri seperti pemasangan panel solar di premis-premis kerajaan. Terbaharu, Kerajaan Negeri juga sedang melaksanakan pemasangan panel solar di empat (4) Pejabat Daerah dan Tanah seperti berikut:-

- (a) Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya;
- (b) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara;
- (c) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah; dan
- (d) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan.

Inisiatif ini merupakan cara terbaik untuk mengurangkan jejak karbon dan pencemaran alam sekitar tanpa melibatkan sebarang pelepasan gas rumah hijau. Justeru, jelas bahawa Kerajaan Negeri bersama pihak PBT telah berusaha untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri Hijau dan Pintar.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga kini sedang dalam penyediaan Dasar Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan Kecekapan Tenaga (KT) Negeri Pulau Pinang yang telah dirangka oleh Jawatankuasa *Penang Renewable Energy and Energy Efficiency Taskforce* (PREEET). Dasar ini kini dalam penelitian akhir sebelum dibentangkan untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri dalam waktu terdekat ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

25. Nyatakan projek-projek infrastruktur yang dilaksanakan sepanjang tahun 2018 hingga 2023 untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Projek-projek infrastruktur yang dilaksanakan sepanjang tahun 2018 hingga 2023 oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Daerah Timur Laut

- (a) Pelebaran jalan di persimpangan Jalan Perak/Jalan Lenggong;
- (b) Pelebaran jalan dan pembinaan semula bahu jalan di Jalan Maqbul;
- (c) Pembinaan pusingan 'U' di persimpangan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu/Jalan Sungai Pinang;
- (d) Penaik tarafan Jalan Mount Erskine/Tingkat Erskine Satu/Laluan Ladang Hong Seng;
- (e) Penyambungan Jalan Kampung Pisang ke Jalan Thean Tek;
- (f) Penaik tarafan parit, jalan, bahu jalan dan penyediaan petak letak kereta di Lorong Singgora;

- (g) Pelebaran jalan di sebahagian Lebuh Campbell (dari persimpangan Jalan Penang hingga Jalan Kuala Kangsar; dan
- (h) Penaik tarafan sistem lampu isyarat lalu lintas sedia ada kepada sistem kawalan lampu isyarat adaptif (adaptive traffic control system) di Jalan Tanjong Tokong dan Jalan Tanjong Bunga.

#### Daerah Barat Daya

- (a) Penaik tarafan jalan ban dari Jalan Sultan Azlan Shah hingga Hilir Sungai Keluang 2;
- (b) Pembinaan laluan basikal dan pejalan kaki di Jalan Mahsuri;
- (c) Penaik tarafan laluan basikal dan pejalan kaki kawasan Bayan Baru;
- (d) Penaik tarafan sistem lampu isyarat lalu lintas sedia ada kepada sistem kawalan lampu isyarat adaptif (adaptive traffic control system) di sebahagian Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Tun Dr. Awang, Jalan Mahsuri dan Jalan Dato' Ismail Hashim; dan
- (e) Pembinaan dan penaiktarafan bahu jalan untuk laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti di Medan Bayan Lepas.

#### Daerah Seberang Perai Utara

- (a) Pelebaran Jalan Kubang Menerong dari Jalan Asas Tani hingga Jalan Gelugor;
- (b) Pelebaran Jalan Persekutuan dari Permatang Tok Elong hingga Jambatan Merdeka;
- (c) Penaiktarafan persimpangan Jalan Ara Kuda dengan Jalan Lunas;
- (d) Penaiktarafan persimpangan Jalan New Ferry dengan Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth;
- (e) Pelebaran Jalan Raja Uda; dan
- (f) Pelebaran Jalan Bagan Ajam.

## Daerah Seberang Perai Tengah

- (a) Pelebaran jalan dan penaiktarafan Jambatan Sungai Machang Bubuk di Jalan Gajah Mati;
- (b) Pelebaran Jalan Todak, Lebuh Tenggiri 2 dan Jalan Tenggiri;
- (c) Pelebaran Jalan Bukit Minyak dari Jalan Persekutuan hingga Jalan Kota Permai;
- (d) Pelebaran Jalan Kebun Baru dari Jalan Juru hingga Jalan PSPN 2;
- (e) Pelebaran Jalan Tok Kangar dari Jalan Kebun Nenas hingga Jalan Delima 1;
- (f) Pelebaran jalan dari persimpangan Tok Kangar ke Jalan Kebun Baru; dan
- (g) Pelebaran Jalan Rozhan dari Jalan Permatang Tinggi hingga Jalan Alma 1.

## Daerah Seberang Perai Selatan

- (a) Penaik tarafan jalan dan sistem saliran di Bulatan Kelip-Kelip, Nibong Tebal;
- (b) Pelebaran jalan dan penaiktarafan sistem saliran di Kalan Che Hussein;
- (c) Penaik tarafan Jalan Bukit Panchor 1;
- (d) Pembinaan Jambatan Valdor yang menghubungkan Jalan Persekutuan 1 dan Batu Kawan;
- (e) Pelebaran Jambatan Sungai Kerian;
- (f) Pelebaran Jalan Perindustrian Valdor;
- (g) Pelebaran Jambatan Batu Kawan;
- (h) Pelebaran Jalan Persekutuan dari Sungai Junjung hingga Jalan Paboi;
- (i) Pelebaran Jambatan Batu Kawan;
- (j) Pembinaan jejambat di Lebuhraya Bandar Cassia; dan
- (k) Penaik tarafan persimpangan Jalan Tasek dengan Jalan Persekutuan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

26. Apakah tindakan yang telah diambil bagi mengatasi isu binatang ternakan berkeliaran di tempat awam?
- (a) Nyatakan jumlah tindakan sejak tahun 2018 hingga 2023.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Kerajaan Negeri sememangnya memandang serius dalam menangani isu binatang ternakan yang berkeliaran di tempat awam. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:
- (i) Melaksanakan pemantauan, rondaan dan operasi tindakan tangkapan binatang ternakan yang berkeliaran di kawasan *hotspot* secara berjadual;
- (ii) Memberi amaran tegas secara lisan kepada penternak untuk tidak membenarkan haiwan ternakan berkeliaran di tempat awam;
- (iii) Mengenakan kompaun atau membuat rampasan haiwan ternakan yang merayau kepada penternak yang membiarkan haiwan ternakan miliknya berkeliaran di kawasan awam yang menyalahi undang-undang; dan
- (iv) Meletakkan papan tanda/*banner* pemakluman bagi kesalahan membiarkan haiwan ternakan merayau di kawasan *hotspot*.

- (a) Perincian jumlah tindakan yang telah diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sejak tahun 2018 sehingga tahun 2023 adalah seperti berikut:

Tindakan	PBT	Tahun					
		2018	2019	2020	2021	2022	2023
<b>Operasi</b>	<b>MBPP</b>	262	142	110	184	235	278
	<b>MBSP</b>	578	650	570	562	655	800
<b>Kompaun</b>	<b>MBPP</b>	53	47	36	35	19	18
	<b>MBSP</b>	4	3	5	1	6	11
<b>Tangkapan</b>	<b>MBPP</b>	53	47	36	35	19	18
	<b>MBSP</b>	13	16	19	7	12	29
<b>Jumlah</b>		<b>963</b>	<b>905</b>	<b>776</b>	<b>824</b>	<b>946</b>	<b>1154</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

27. Berapakah jumlah kenderaan yang terbiar telah diambil tindakan oleh PBT sejak tahun 2013 hingga 2023?
- (a) Nyatakan cadangan penyelesaian ke atas isu kenderaan terbiar di kawasan MBPP.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Perincian jumlah kenderaan terbiar yang telah diambil tindakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sejak tahun 2013 sehingga tahun 2023 adalah seperti berikut:

Tahun	<b>Kenderaan Terbiar yang telah diambil tindakan (Motosikal/Kereta)</b>
2013	232
2014	386
2015	329
2016	274
2017	429
2018	415
2019	398
2020	520
2021	473
2022	415
2023	400
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>4271</b>

- (a) Cadangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam usaha untuk mengurangkan isu kenderaan terbiar di kawasan pentadbiran MBPP adalah seperti berikut:
- (i) Melaksanakan proses pelupusan secara berjadual dengan lebih kerap. Tindakan pelupusan secara berjadual ini dapat menambah ruang stor/depoh simpanan kenderaan MBPP dan seterusnya dapat membantu kereta terbiar dialihkan dari lokasi aduan dengan lebih cepat dan teratur; dan
  - (ii) Menggalakkan orang awam untuk menggunakan sistem e-Dereg iaitu satu inisiatif terbaru Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi memudahkan pemilik kenderaan motor lusuh dan terbiar membatalkan pendaftaran secara dalam talian (*online*). Sistem e-Dereg akan membolehkan mana-mana pemilik asal kenderaan yang berhasrat melupuskan kenderaan melengkapkan proses pembatalan pendaftaran secara dalam talian, tanpa perlu hadir di kaunter JPJ dan inisiatif ini sekali gus dapat mempercepat proses pelupusan sesebuah kenderaan terbiar.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

28. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan PBT dalam menghadapi pembakaran awam di Pulau Pinang?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHKAK YAB KETUA MENTERI**

28. Kerajaan Negeri cakna berkenaan isu pembakaran awam di Pulau Pinang dan telah mengambil tindakan bagi mengatasi masalah ini. Salah satunya adalah dengan melaksanakan *State Environmental Health Action Plan (SEHAP)* sejak Jun 2022.

Objektif utama SEHAP adalah untuk menggerakkan pelbagai agensi kerajaan dalam menangani isu aduan pembakaran terbuka di Pulau Pinang mengikut bidang dan punca kuasa masing-masing serta kuasa yang telah diperwakilkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa) (Penyiasatan Pembakaran Terbuka) 2000.

Pasukan Kerja Tematik/*Thematic Working Group* (TWG) 1 memfokuskan pada Isu Pencemaran Udara (Pembakaran Terbuka). TWG 1 ini dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang.

TWG ini dianggotai oleh:

- (i) Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang;
- (ii) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang;

- (iii) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
- (iv) Polis Diraja Malaysia;
- (v) Majlis Bandaraya Pulau Pinang;
- (vi) Majlis Bandaraya Seberang Perai;
- (Vii) Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- (viii) Pejabat Daerah dan Tanah; dan
- (ix) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Kerajaan Tempatan).

Bagi tindakan penguatkuasaan melibatkan pembakaran awam / pembakaran terbuka pula, ia adalah termaktub di bawah Seksyen 29 (A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) yang merupakan bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS). Antara usaha JAS Pulau Pinang dalam membendung masalah ini adalah seperti berikut:

- (i) Usaha penguatkuasaan dan pemantauan dengan menjalankan rondaan darat dan juga pemantauan udara menggunakan dron pada setiap hari termasuk cuti hujung minggu serta hari kelepasan am yang bertujuan untuk mencegah pembakaran terbuka serta pencemaran alam sekitar;
- (ii) Berdasarkan Seksyen 29(A), Akta 127 apabila disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit sahaja (RM500,000.00) atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Kesalahan ini juga boleh dikompaun di bawah Seksyen 45, Akta 127, denda tidak melebihi dua ribu ringgit sahaja (RM2,000.00); dan
- (iii) Kempen kesedaran dan pendidikan alam sekitar juga dijalankan seperti meletakkan papan tanda larangan pembakaran terbuka, edaran risalah secara elektronik dan fizikal dan ceramah-ceramah di sekolah, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), agensi-agensi kerajaan dan kilang-kilang.

Kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Pulau Pinang turut memainkan peranan dalam mengatasi masalah pembakaran awam di negeri ini. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh kedua-dua PBT adalah seperti berikut:

(a) **Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)**

- (i) Menjalankan siasatan dan membekalkan maklumat awal seperti maklumat pelaku dan bukti bergambar kepada Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang (JAS); dan
- (ii) Memberikan nasihat kepada pelaku dan maklumat berkaitan perkhidmatan kutipan sisa kebun yang disediakan oleh MBPP.

(b) **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)**

- (i) Terlibat sebagai salah satu rakan strategik dalam Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka JAS Peringkat Negeri Pulau Pinang;
- (ii) Membantu siasatan sepetimana yang diperuntukkan oleh JAS di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa) (Penyiasatan Pembakaran Terbuka) 2000;
- (iii) Membantu promosi dan program pendidikan dan kesedaran kepada komuniti; dan
- (iv) Mengeluarkan notis dan kompaun di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-Undang Kecil yang berkaitan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

29. Apakah perancangan atas pembangunan kawasan Batu Lancang dalam tempoh lima tahun akan datang? Perincikan senarai.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

29. Berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP2030), kawasan Batu Lancang berada di dalam Kawasan Keutamaan Pembangunan 1 di mana cadangan pembangunan yang dibenarkan adalah untuk perniagaan, perumahan, perindustrian, infrastruktur, utiliti, kemudahan awam, kawasan lapang, kuari dan rezab-rezab kerajaan. Manakala, guna tanah semasa kawasan ini merupakan pembangunan bercampur. Lot-lot tanah yang masih belum dimajukan akan dikawal perancangannya dengan merujuk kepada RSNPP2030 dan Garis Panduan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sedia ada.

Berdasarkan rekod MBPP, senarai Permohonan Kebenaran Merancang bagi cadangan pemajuan sederhana dan besar di kawasan Batu Lancang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**LAMPIRAN A****SENARAI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMAJUAN SEDERHANA DAN BESAR DI KAWASAN BATU LANCANG**

BIL	CADANGAN PEMAJUAN	LOKASI	TARIKH LULUS
1.	<p>MBPP/ILCS-OSC/PM/410/2022</p> <p>Permohonan Kebenaran Merancang untuk Merobohkan 70 Unit Bangunan Sedia Ada dan Cadangan Mendirikan :-</p> <p><u>FASA 1</u></p> <p>a) Satu (1) Blok 33 Tingkat Rumah Mampu Milik (328 Unit) yang terdiri daripada :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Sembilan (9) Tingkat Podium Yang Mengandungi Kedai / Pejabat 20 Unit (Para 1-2) dan Tempat Letak Kenderaan (Paras 1-9);</li><li>ii. Empat (4) Tingkat Kemudahan Masyarakat (Paras 10, 11, 32 dan 33);</li><li>iii. 18 Tingkat Rumah Mampu Milik 258 Unit (Paras 11 – 28); Dan</li><li>iv. Lima (5) Tingkat Rumah Mampu Milik Bagi Unit</li></ul>	Di Atas Lot 172, Lorong Slim / Lintang Slim, Seksyen 2, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut	7/6/2023 (JPB/KM/6560/A)

BIL	CADANGAN PEMAJUAN	LOKASI	TARIKH LULUS
	<p>Gantian Setinggan 70 Unit (Paras 28 – 32)</p> <p>b) 1 TINGKAT RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (1UNIT)</p> <p><u>FASA 2</u></p> <p>Satu (1) Blok 30 Tingkat Rumah Mampu Milik (258 Unit) Yang Terdiri Daripada :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sembilan (9) Tingkat Podium yang Mengandungi Kedai / Pejabat 32 Unit (Paras 1-2) dan Tempat Letak Kenderaan (Paras 2-9);</li> <li>ii. Tiga (3) Tingkat Kemudahan Masyarakat di Paras 10, 29 dan 30; dan</li> <li>iii. 19 Tingkat Rumah Mampu Milik (258) di Paras 11-29.</li> </ul>		
2.	<p>MBPP/ILCS-OSC/PM/457/2023/SRT11(73)</p> <p>Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Meroboh Rumah Contoh/Pejabat Jualan Sementara Fasa 2:</p> <p>Cadangan Mendirikan 1 Blok Pangsapuri 43 Tingkat</p>	<p>Di Atas Lot 10045 (Lot Asal 2708), Lorong Slim, Seksyen 2, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang</p>	12/12/2023

BIL	CADANGAN PEMAJUAN	LOKASI	TARIKH LULUS
	<p>Yang Mengandungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. 34 Tingkat Pangsapuri (268 Unit);</li> <li>ii. Enam (6) Tempat Letak Kenderaan (Paras 2-7); dan</li> <li>iii. Tiga (3) Tingkat Ruang Rekreasi (Paras 1 dan 8) dan Paras 43.</li> </ul> <p>(Pindaan Kepada JPB/KM/5546/A MELALUI MBPP/OSC/PM2771/15-SRT4(99) DILULUS PADA 13.10.2015).</p>		
3.	<p>MBPP/ILCS-OSC/PM/205/2021</p> <p>Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Tukarguna Daripada ‘Kediaman’ Kepada ‘Perniagaan’ Bagi Satu (1) Unit Rumah Berkembar Satu (1) Tingkat Sedia Ada No. 545, Jalan Masjid Negeri</p>	<p>Di Atas Lot 515, Sek.3, Bandar Jelutong, Timur Laut, Pulau Pinang.</p>	<p>12/01/2022 JPB/KM/6506/A</p>
4.	<p>MBPP/ILCS-OSC/PM/552/2023</p> <p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pindaan Dan Tambahan Serta Tukarguna Bangunan Kediaman Rumah Teres Dua (2) Tingkat No. 33 Lorong Penaga Kepada Perniagaan</p>	<p>Di Atas Lot 1084, 1090 &amp; 1184, Seksyen 3, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.</p>	<p>06/03/2024</p>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)30**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

30. Nyatakan rancangan yang telah dibuat dan akan dilakukan untuk pelan perlindungan alam sekitar dan penghijauan dalam tahun 2021 hingga 2026.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Berpandukan Rancangan Struktur Negeri (RSN) Pulau Pinang 2030 yang diwartakan pada tahun 2019, dokumen tersebut jelas menitikberatkan aspek pemeliharaan alam sekitar terutamanya kawasan berhutan demi mewujudkan persekitaran yang berdaya tahan.

Perkara yang digariskan adalah Dasar Perancangan Utama (DPU) 5.1: Mengelakkan dan Memelihara Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Bagi Memastikan Pembangunan Mampan, Mesra Alam dan Berdaya Huni dan DPU 5.4: Mengawal Pencemaran Alam Sekitar Melalui Pendekatan Teknologi Hijau dan Amalan *Low Carbon City Framework* (LCCF). Beberapa pelan perancangan sedang dilaksanakan bagi memastikan hasrat murni Kerajaan Negeri ini tercapai. Selain itu, pematuhan penggunaan Garis Panduan Perancangan KSAS (GPP KSAS) sebagai salah satu kaedah untuk membantu Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menentukan jenis kegunaan tanah dan kawalan aktiviti pembangunan di KSAS.

PLANMalaysia Ibu Pejabat dengan kerjasama Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri di seluruh Malaysia sedang merangka Pelan Pengurusan Rangka Kerja KSAS berfungsi sebagai pelan pengurusan khusus mengikut tahap-tahap pada setiap kategori

KSAS yang akan diguna pakai bagi meminimumkan kesan risiko bencana dan pengurangan sumber alam semula jadi pada masa akan datang. Di samping itu juga, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) sedang menjalankan satu kajian terperinci iaitu Kajian *Penang Carbon Neutral* 2050. Kajian ini secara amnya memfokuskan kepada pengurangan kadar pengeluaran karbon dan kesan terhadap perubahan cuaca di negeri Pulau Pinang.

Selain itu, strategi pelaksanaan pembangunan negeri di bawah RSN 2030 ialah mewartakan kawasan berhutan dan kawasan hutan paya laut. Strategi pelaksanaan kawasan berhutan ini kemudiannya telah diterjemahkan di dalam Agenda Hijau Pulau Pinang 2030 yang telah dilancarkan pada tahun 2021 sebagai sebuah panduan yang mengandungi sasaran, strategi, pelan-pelan tindakan termasuk penunjuk kemampunan pembangunan yang perlu dicapai menjelang tahun 2030.

Susulan itu, Jawatankuasa MMK Alam Sekitar Pulau Pinang pada 13 September 2019 telah mengenal pasti seluas 1,619.22 hektar (keluasan secara digital seperti di **LAMPIRAN A** kawasan paya laut di seluruh negeri yang berada di atas tanah kerajaan dan tanah milik agensi sesuai untuk diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Pemilihan kawasan tersebut adalah susulan keadaan sebenar kawasan berkenaan serta masih mempunyai habitat bakau yang baik. Walau bagaimanapun, proses pewartaan KSAS tersebut perlu dijalankan secara teratur dan teliti agar tidak berlaku pertindihan status guna tanah di atas lapangan serta perlu mempunyai sempadan kawasan yang jelas.

Daripada jumlah tersebut, seluas 676.48 hektar kawasan paya laut atau bakau yang telah berjaya diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal menerusi Siar Warta Kerajaan Negeri pada 15 Disember 2022. Manakala bakinya iaitu seluas 942.74 hektar sedang dalam perincian secara berperingkat untuk proses pewartaan susulan. Selanjutnya, Mesyuarat Jawatankuasa MMK Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang Bilangan 1 tahun 2024 yang bersidang pada 20 Februari 2024 telah bersetuju dengan cadangan pewartaan hutan paya laut seluas 449.12 hektar sebagai Hutan Simpanan Kekal baharu sekali gus menjadi sasaran pewartaan tahun 2024 di bawah Jawatankuasa tersebut. Pewartaan kawasan hutan paya laut ini adalah penting kerana kawasan hutan paya laut bukan sahaja bertindak sebagai penampungan kawasan pembangunan dan hakisan

ombak malah sebagai penyimpan karbon dalam kestabilan iklim serta berfungsi sebagai tapak *nursery* kepada hidupan marin.

Secara keseluruhannya, dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini Kerajaan Negeri telah mewartakan seluas 962.32 hektar Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 di seluruh negeri, iaitu seluas 285.84 hektar di sebahagian Pulau Jerejak sebagai Hutan Simpanan Kekal pada 26 Mac 2020 dan seluas 676.48 hektar hutan paya laut yang diwartakan pada 15 Disember 2022. Pewartaan Hutan Simpanan Kekal baharu tersebut menjadikan keluasan keseluruhan Hutan Simpanan Kekal di negeri bertambah sebanyak 15.8% berbanding tahun 2019 iaitu daripada seluas 5,100.93 hektar kepada seluas 6,063.25 hektar **LAMPIRAN B**. Usaha untuk mewartakan lagi kawasan hutan terutamanya KSAS seperti hutan paya laut ini akan diteruskan secara teliti oleh jawatankuasa yang telah ditubuhkan di bawah Jawatankuasa MMK Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang seiring dengan sasaran strategi pembangunan negeri menjelang tahun 2030.

**LAMPIRAN A****JADUAL 1: MAKLUMAT CADANGAN HUTAN SIMPANAN KEKAL, HUTAN PAYA LAUT NEGERI DI PULAU PINANG (KELUASAN DIGITAL) YANG DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA MMK ALAM SEKITAR BIL. 2/2019 PADA 13 SEPTEMBER 2019**

Bil	Nama Cadangan Hutan Simpanan Kekal	Keluasan (Ha)	Catatan
<b>Daerah Darat Daya</b>			
1	Hutan Simpan Tanjung Gemuruh	44.515	<i>Diluluskan untuk pewartaan HSK oleh Jawatankuasa MMK Alam Sekitar Bil. 1/2024 pada 20.2.2024</i>
2	Hutan Simpan Sungai Pinang	197.256	
3	Hutan Simpan Sungai Pinang	4.113	
4	Hutan Simpan Sungai Rusa	195.173	
5	Hutan Simpan Sungai Rusa	5.305	
6	Hutan Simpan Sungai Rusa	3.397	
7	Hutan Simpan Pulau Betong	1.225	
<b>Daerah Seberang Perai Selatan</b>			
8	Hutan Simpan Sungai Junjung	9.9243	
9	Hutan Simpan Sungai Junjung	2.5347	
10	Hutan Simpan Sungai Junjung	6.876	
11	Hutan Simpan Sungai Junjung	23.918	
12	Hutan Simpan Batu Kawan	6.828	
13	Hutan Simpan Batu Kawan	21.774	
14	Hutan Simpan Batu Kawan	9.085	
15	Hutan Simpan Batu Kawan	4.956	
16	Hutan Simpan Batu Kawan	4.093	
17	Hutan Simpan Batu Kawan	4.778	

<b>Bil</b>	<b>Nama Cadangan Hutan Simpanan Kekal</b>	<b>Keluasan (Ha)</b>	<b>Catatan</b>
18	Hutan Simpan Batu Kawan	35.751	
19	Hutan Simpan Byram Tambahan	18.203	
20	Hutan Simpan Batu Kawan	24.669	
21	Hutan Simpan Batu Kawan	165.685	
22	Hutan Simpan Sungai Udang	10.955	Tarikh Warta: 15.12.2022 No. Warta: 1291
23	Hutan Simpan Sungai Udang	44.622	
24	Hutan Simpan Sungai Chenaam	58.967	
25	Hutan Simpan Sungai Chenaam	189.516	
<b>Daerah Seberang Perai Tengah</b>			
26	Hutan Simpan Juru	22.561	Tarikh Warta: 15.12.2022 No. Warta: 1291
27	Hutan Simpan Tok Kangar	11.151	
28	Hutan Simpan Sungai Semilang	23.832	
29	Hutan Simpan Haji Din	32.629	
30	Hutan Simpan Sungai Belanak	28.669	
<b>Daerah Seberang Perai Utara</b>			
31	Hutan Simpan Pasir Gebu	153.052	Tarikh Warta: 15.12.2022 No. Warta: 1291
32	Hutan Simpan Lahar Endin	133.816	
33	Hutan Simpan Kuala Bekah	87.833	
34	Hutan Simpan Merbau Kudung	1.435	Tarikh Warta: 15.12.2022 No. Warta: 1291
35	Hutan Simpan Air Itam 1	16.595	
36	Hutan Simpan Air Itam 2	7.241	
37	Hutan Simpan Air Itam 3	1.954	
38	Hutan Simpan Air Itam 4	4.333	
<b>JUMLAH</b>		<b>1,619.22</b>	

**LAMPIRAN B**

**JADUAL 2: MAKLUMAT KELUASAN HUTAN SIMPANAN KEKAL NEGERI PULAU PINANG SEHINGGA APRIL TAHUN 2024**

<b>Bil</b>	<b>Daerah/ Hutan Simpan</b>	<b>Keluasan (HA)</b>	<b>No. dan Tarikh warta</b>
<b>Daerah Timur Laut</b>			
1	H.S. Penara Bukit	94.99	397/4 (Jun 1981)
2	H.S. Bukit Kerajaan	2,287.91	82/14 (Mei 1967)
3	H.S. Highland	91.54	402/4 (Mei 1981)
4	H.S Pulau Jerejak*	285.84	322 (26 Mac 2020)
	<b>Jumlah</b>	<b>2,760.28</b>	
<b>Daerah Barat Daya</b>			
4	H.S. Bukit Relau	67.56	18/6 (Jan 1911)
5	H.S. Bukit Genting	9.09	396/4 (Jun 1981)
6	H.S. Bukit Gemuruh	51.66	399/4 (Jun 1981)
7	H.S. Pasir Panjang	32.77	398/4 (Jun 1981)
8	H.S. Laksamana	226.28	PGPU23/7(Julai1983)
9	H.S. Teluk Bahang	830.2	PGPU23/7(Julai1983)
10	H.S. Pantai Acheh	73.05	305/17 (Feb 1928)
11	H.S. Balik Pulau	166.38	404/4 (Mei 1973)
12	H.S Pulau Betong*	1.2251	1291 (15 Dis 2022)
	<b>Jumlah</b>	<b>1,458.2151</b>	
<b>Daerah Seberang Perai Tengah</b>			
13	H.S. Bukit Seraya	45.11	401/4 (Jun 1981)
14	H.S. Bukit Mertajam	312.95	395/4 (Jun 1981)
15	H.S. Bukit Juru	150.18	400/4 (Jun 1981)
16	H.S Juru*	22.561	1291 (15 Dis 2022)
	<b>Jumlah</b>	<b>530.801</b>	
<b>Daerah Seberang Perai Selatan</b>			
17	H.S. Bukit Panchor	446.6	403/4 (Jun 1981)
18	H.S. Byram	214.66	829/3 (Dis 1981)
19	H.S. Chenaam*	190.1161	1291 (15 Dis 2022)
20	H.S. Chenaam*	58.6389	1291 (15 Dis 2022)
21	H.S Sungai Udang*	44.4572	1291 (15 Dis 2022)
22	H.S Sungai Udang*	10.9070	1291 (15 Dis 2022)

	<b>Jumlah</b>	<b>965.3792</b>	
<b>Daerah Seberang Perai Utara</b>			
23	H.S Pasir Gebu*	127.585	1291 (15 Dis 2022)
24	H.S Lahar Endin*	129.107	1291 (15 Dis 2022)
25	H.S Kuala Bekah*	69.798	1291 (15 Dis 2022)
26	H.S Air Hitam Dalam*	22.085	1291 (15 Dis 2022)
<b>Jumlah</b>		<b>348.575</b>	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>6,063.2503</b>	

Nota: \* Hutan Simpanan Kekal baharu